



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA

PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	30/10/2012

## Lagi pesanan kepada Sallim Hj. Ahmad dakwa Tun Mahathir kurang peka

UM - 30/10/2012

KEPADA Sallim Hj. Ahmad (warga Singapura) yang mengatakan Tun Mahathir kurang peka pada 24 Oktober 2012 saya mahu berpesan untuk ingatan beliau.

Sesungguhnya saudara Sallim Hj. Ahmad patut melihat dan meneliti kad pengenalan beliau sendiri. Adakah tertulis perkataan Melayu di dalam kad pengenalan beliau itu?

Sudah pasti tiada tertera perkataan Melayu kerana di Singapura Melayu telah dipecahkan kepada suku kaum.

Jika Sallim keturunan Jawa maka di kad pengenalan beliau hanya tertera Jawa sebagai rujukan bangsa.

Saudara Sallim juga patut me-

lihat sendiri di flat-flat HDB milik kerajaan di Singapura itu, adakah dalam satu lantai ada keluarga bangsa Melayu lebih daripada satu keluarga di lantai tersebut? Pernahkah saudara Sallim itu meninjau akan keadaan tersebut?

Saudara Sallim itu juga patut pergi ke Kementerian Pertahanan Singapura dan melihat senarai pangkat tertinggi bangsa Melayu di situ.

Saudara Sallim juga wajib pergi ke Yayasan Mendaki dan bertanya bagaimanakah wang derma bangsa Melayu di Singapura diagihkan untuk pendidikan dan sebagainya.

Saudara Sallim juga kena pergi

bertanya kepada generasi muda Melayu Singapura itu sendiri akan sejarah Singapura, siapakah yang menemui Singapura. Saya pasti jawapan yang akan diberi sudah tentu bukan Parameswara, kenapa?

Sebab Parameswara adalah bangsa Melayu. Maka jawapan yang saudara Sallim akan dapat dari soalan tersebut adalah Sir Stamford Raffles yang menemui Singapura.

Saudara Sallim juga kena pergi ke Sentosa Island dan lihat nama siapakah yang tertera di sana yang mempertahankan Singapura daripada serangan Jepun di masa Perang Dunia Kedua dahulu, sudah pasti bukan Kapten Adnan, kerana

apa? Kerana Kapten Adnan adalah Melayu.

Tetapi mengapakah Persatuan Melayu Kristian dibenarkan menggunakan perkataan Melayu, kerana itu saja jalan untuk melemahkan bangsa Melayu itu sendiri.

Saya amat pasti bahawa saudara yang bernama Sallim Hj. Ahmad ini bukannya seorang Melayu yang tulen, mungkin Saudara Sallim ini berdarah Malbari dan tidak mempunyai setitik pun darah Melayu, ini kerana jika saudara Sallim ini benar-benar Melayu maka sudah pasti dia tidak akan mempertikaikan apa yang Tun Dr. Mahathir Mohamad kata dan tulis kerana sejarah telah

membuktikan bahawa di masa pemerintahan Tun Mahathir ramai Melayu Singapura yang berebut-rebut ingin menjadi warganegara Malaysia.

Maka dengan itu nasihat saya kepada Saudara Sallim agar melihat diri di dalam cermin apakah dia itu Melayu, yang amat ditakuti akan perpaduannya oleh PAP, bapa kepada DAP di Malaysia ini. Janganlah menyibuk hal negara orang jika bangsa sendiri di bumi sendiri (sua-tu masa dahulu) melukut di tepi gantang.

**SHUKUR MOHAMAD**  
Johor Bahru